

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred YP1, YP2, YP4, YP6, YP8, YP10

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Polis Diraja Malaysia.

3. SKOP FUNGSI BIDANG TUGAS UTAMA

3.1 Konstabel Polis (Orang Asli) Gred YP1, YP2

3.1.1 Menguatkuasakan Undang-Undang

- a. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang.

3.1.2 Mengekalkan Keamanan dan Keselamatan

- a. Menjalankan rondaan keselamatan di pedalaman dan sempadan.
- b. Bertugas di pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan.
- c. Mengawal daripada pencerobohan asing dan aktiviti penyeludupan.

3.1.3 Aktiviti Penyiasatan dan Pendakwaan

- a. Mengumpul maklumat mengenai pencerobohan dan penyeludupan.
- b. Membantu siasatan.

3.1.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

- a. Mengumpul risikan keselamatan.

3.1.5 Mencegah dan Mengesan Jenayah

- a. Membantu dalam tugas pencegahan jenayah dan tangkapan.

3.1.6 Skop, Fungsi dan Tugas-Tugas Lain (Seksyen 20 Dan 21 Akta Polis 1967)

- a. Membantu mengawal keselamatan di pesisiran pantai dan perairan Malaysia.
- b. Membantu menjaga keselamatan di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang) dan tempat-tempat awam.
- c. Memberi bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang.
- d. Menyebarkan maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan.
- e. Menjaga harta yang tidak dituntut/ hilang dan harta awam dari hilang atau rosak.
- f. Menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- g. Membantu mengiring dan menjaga banduan serta orangtahanan.
- h. Mencari dan menyelamatkan (bencana/ orang hilang – MKN No. 20).

3.2 Koperal Polis (Orang Asli) Gred YP4

3.2.1 Menguatkuasakan Undang-Undang

- a. Menyelia dan melaksana penguatkuasaan undang-undang.

3.2.2 Mengekalkan Keamanan dan Keselamatan

- a. Mengatur dan melaksanakan rondaan keselamatan di pedalaman dan sempadan.
- b. Mengatur dan menjalankan kawalan di pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan.
- c. Mengatur dan mengawal daripada pencerobohan asing.
- d. Menyelia dan mengawal aktiviti penyeludupan.

3.2.3 Aktiviti Penyiasatan dan Pendakwaan

- a. Mengatur dan menjalankan pengumpulan maklumat.
- b. Mengatur dan menjalankan tugas membantu pegawai penyiasat.

3.2.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

- a. Mengatur dan menjalankan pengumpulan maklumat risikan keselamatan.

3.2.5 Mencegah dan Mengesan Jenayah

- a. Membantu dalam tugas pencegahan jenayah.
- b. Menyelia dan membantu dalam menjalankan tangkapan.

3.2.6 Skop, Fungsi dan Tugas-Tugas Lain (Seksyen 20 Dan 21 Akta Polis 1967)

- a. Menyelia dan menjalankan tugas kawalan keselamatan di pesisiran pantai dan perairan Malaysia serta di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang) dan tempat-tempat awam.
- b. Menyelia dan menjalankan tugas bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang.
- c. Menyelia dan menjalankan tugas menyebarkan maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan.
- d. Menjaga dan menyelia tugas memberi perlindungan harta yang tidak dituntut, hilang atau rosak
- e. Menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- f. Menyelia dan menjalankan tugas-tugas mengiring dan menjaga banduan serta orang tahanan.
- g. Menyelia dan menjalankan tugas mencari dan menyelamatkan (bencana/ orang hilang – MKN No. 20).

3.2.7 Aspek Pengurusan Organisasi

- a. Menilai prestasi anggota.
- b. Mengawal prestasi dan penambahbaikan.
- c. Menyelia dan menghadiri latihan.
- d. Mengawal disiplin dan etika kerja.
- e. Menyelia anggota bawahan menjalankan aktiviti penambahbaikan.

3.3 Sarjan Polis (Orang Asli) Gred YP6

3.3.1 Menkuatkuasakan Undang-Undang

- a. Mengatur dan menyelia pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang.

3.3.2 Mengekalkan Keamanan dan Keselamatan

- a. Mengatur dan menyelia rondaan keselamatan serta petugas kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan.
- b. Mengatur dan menyelia tugas-tugas kawalan daripada pencerobohan asing dan aktiviti penyeludupan.

3.3.3 Aktiviti Penyiasatan dan Pendakwaan

- a. Mengurus maklumat dan siasatan.

3.3.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

- a. Mengatur dan menyelia pengumpulan maklumat risikan keselamatan.

3.3.5 Mencegah dan Mengesan Jenayah

- a. Mengatur dan menyelia bantuan dalam melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah dan tangkapan.

3.3.6 Skop, Fungsi dan Tugas-Tugas Lain (Seksyen 20 Dan 21 Akta Polis 1967)

- a. Mengatur dan menyelia bantuan kawalan keselamatan di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang), tempat-tempat awam serta sasaran penting.
- b. Mengatur dan menyelia bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM.
- c. Mengatur dan menyelia penyebaran maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan.
- d. Menyelia dan memberi perlindungan harta yang tidak dituntut/hilang dan harta awam dari hilang atau rosak.
- e. Menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- f. Mengatur dan menyelia tugas-tugas mengiring dan menjaga banduan serta orang tahanan.

- g. Mengatur tugas mencari dan menyelamatkan (bencana/ orang hilang – MKN No. 20).

3.3.7 Aspek Pengurusan Organisasi

- a. Mengatur dan menyelia penggunaan sumber tenaga manusia.
- b. Menilai prestasi anggota.
- c. Mengawal prestasi dan penambahbaikan.
- d. Mengatur dan menyelia latihan.
- e. Mengawal disiplin dan etika kerja.

3.4 Sarjan Mejar Polis (Orang Asli) Gred YP8

3.4.1 Menguatkuasakan Undang-Undang

- a. Menyelia tugas penguatkuasaan undang-undang.

3.4.2 Mengekalkan Keamanan dan Keselamatan

- a. Menyelia rondaan keselamatan serta pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan.
- b. Menyelia tugas-tugas kawalan daripada pencerobohan asingdan aktiviti penyeludupan.

3.4.3 Aktiviti Penyiasatan dan Pendakwaan

- a. Menyelaras pengumpulan maklumat.
- b. Membantu siasatan.

3.4.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

- a. Menyelia pengumpulan maklumat risikan keselamatan.

3.4.5 Mencegah dan Mengesan Jenayah

- a. Menyelia bantuan bagi melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah dan tangkapan.

3.4.6 Skop, Fungsi dan Tugas-Tugas Lain (Seksyen 20 Dan 21 AktaPolis 1967)

- a. Menyelia tugas kawalan keselamatan di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang), tempat-tempat awam serta sasaran penting.

- b. Menyelia bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM.
- c. Menyelia penyebaran maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan.
- d. Menyelia tugas dalam menjaga harta yang tidak dituntut atau hilang dan harta awam dari hilang atau rosak.
- e. Menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- f. Menyelia dan mengkoordinasi tugas-tugas mengiring dan menjaga banduan serta orang tahanan.
- g. Menyelia dan mengkoordinasi tugas mencari dan menyelamatkan (bencana/ orang hilang – MKN No. 20).

3.4.7 Aspek Pengurusan Organisasi

- a. Menyelia penggunaan sumber tenaga manusia.
- b. Menilai prestasi anggota.
 - c. Mengawal prestasi dan penambahbaikan.
 - d. Menyelia pelaksanaan latihan.
 - e. Menyelia dan memantau disiplin serta etika kerja.

3.5 Sub-Inspektor Polis (Orang Asli) Gred YP10

3.5.1 Menguatkuasakan Undang-Undang

- a. Mengkoordinasi pelaksanaan tugas penguatkuasaan undang-undang.

3.5.2 Mengekalkan Keamanan dan Keselamatan

- a. Mengkoordinasi pelaksanaan tugas rondaan keselamatan dan penyeliaan pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan.
- b. Mengkoordinasi tugas kawalan daripada pencerobohan asing dan aktiviti penyeludupan.

3.5.3 Aktiviti Penyiasatan dan Pendakwaan

- a. Mengkoordinasi pelaksanaan pengumpulan maklumat.
- b. Membantu siasatan.

3.5.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

- a. Mengkoordinasi pelaksanaan pengumpulan maklumat risikan keselamatan.

3.5.5 Mencegah dan Mengesan Jenayah

- a. Mengkoordinasi bantuan dalam melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah dan tangkapan.

3.5.6 Skop, Fungsi dan Tugas-Tugas Lain (Seksyen 20 Dan 21 Akta Polis 1967)

- a. Mengkoordinasi pelaksanaan tugas kawalan keselamatan di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang), tempat-tempat awam serta sasaran penting.
- b. Mengkoordinasi pelaksanaan memberi bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM.
- c. Mengkoordinasi pelaksanaan sebaran maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan.
- d. Mengkoordinasi pelaksanaan tugas menjaga harta yang tidak dituntut atau hilang dan harta awam dari hilang atau rosak.
- e. Menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- f. Mengkoordinasi pelaksanaan tugas-tugas mengiring dan menjaga banduan serta orang tahanan.
- g. Mengkoordinasi pelaksanaan tugas mencari dan menyelamatkan (bencana/ orang hilang – MKN No. 20).

3.5.7 Aspek Pengurusan Organisasi

- a. Mengkoordinasi penggunaan sumber tenaga manusia dan pelaksanaan latihan.
- b. Menilai prestasi anggota.
- c. Mengawal prestasi dan penambahbaikan.
- d. Mengawal disiplin serta etika kerja.

4. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Rakan sekerja.
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

Luaran

- a. Masyarakat setempat.
- b. Syarikat swasta.
- c. Jabatan/ agensi kerajaan.
- d. Badan-badan bukan kerajaan (NGO).

5. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.

6. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Ketua Polis Negara boleh mengarahkan Konstabel (Orang Asli) mengikutlatihan di dalam dan luar negara jika perlu.

7. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan dan fitnah.
- b. Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksik dan pencemaran udara.
- c. Terdedah kepada tekanan mental.
- d. Rasuah

Sumber : Lampiran D, D1, D2, D3, D4, D5 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2007.